

23 JAN 2002

Maznah-Feri

PERKHIDMATAN FERI TANJUNG GEMUK-PULAU TIOMAN DITAMBAH MULAI MAC

TANJUNG GEMUK, 23 Jan (Bernama) -- Perkhidmatan feri dari Tanjung Gemuk ke Pulau Tioman akan ditambah mulai Mac ini bagi menarik lebih ramai pelancong menggunakan jeti itu, kata Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Hal Ehwal Wanita Negeri Maznah Mazlan.

Katanya Jabatan Laut yang bertanggungjawab dalam pengurusan jeti berkenaan sedang menjalankan perbincangan dengan sebuah syarikat feri swasta untuk meletakkan sekurang-kurangnya dua buah feri untuk menjalankan perkhidmatan.

"Kita percaya dengan penambahan feri yang menjalankan perkhidmatan ke pulau berkenaan dari sini (Tanjung Gemuk), jumlah pelancong yang menggunakan jeti ini juga akan bertambah," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat Pembangunan Tanjung Gemuk bersama jabatan berkaitan di sini semalam.

Maznah berkata pada masa ini hanya terdapat sebuah syarikat yang menggunakan sebuah feri sahaja menawarkan perkhidmatan satu kali sehari dari Tanjung Gemuk ke Pulau Tioman.

Ini menyebabkan kebanyakan pelancong dan penumpang yang hendak ke pulau itu lebih gemar menggunakan jeti di Mersing Johor, katanya.

Maznah juga berkata selain menambah perkhidmatan feri, kerajaan negeri juga akan meningkatkan infrastruktur dan kemudahan lain di jeti berkenaan.

Selain membaik pulih jeti berkenaan yang akan dijalankan oleh Jabatan Kerja Raya, Lembaga Pembangunan Tioman juga sedang mengadakan perbincangan dengan syarikat pengangkutan bagi menyediakan perkhidmatan bas dan teksi dari Kuantan ke Tanjung Gemuk.

"Kita juga sedang memohon untuk mendapatkan peruntukan sebanyak RM3 juta bagi membina jeti kargo di Tanjung Gemuk," katanya.

Minggu lepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengesahkan bahawa Pulau Tioman akan diberikan status pulau bebas cukai, iaitu pulau ketiga yang menerima penganugerahan itu selepas Labuan dan Langkawi.

-- BERNAMA

HIS RHM